

NO SOALAN :48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 04.04.2018

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) senarai satu per satu, berapa jumlah harga sebenar yang dibayar oleh Bank Negara Malaysia untuk tujuan membeli tanah daripada Kerajaan ; dan

(b) apakah syarat dan terma utama pembelian tanah oleh Bank Negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak beberapa dekad yang lalu, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperoleh beberapa bidang harta tanah selaras dengan

peruntukan Seksyen 74, Akta Bank Negara Malaysia yang memberikan kuasa kepada BNM untuk membeli, memperoleh dan memajak harta tak alih.

Semua pembelian harta tanah tersebut dilakukan menepati norma dan amalan terbaik pasaran bagi menunjukkan urus niaga yang telus dan tanpa tekanan, yang mana kedua-dua pembeli dan penjual bertindak berdasarkan kepentingan masing-masing dan berpuas hati dengan urus niaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap Perjanjian Jual Beli adalah tertakluk kepada fasal kerahsiaan (*confidentiality clause*, dengan izin) untuk menghormati pertimbangan komersial (*comercial consideration*, dengan izin) pembeli dan penjual. Terma-terma utama yang diguna pakai secara amnya konsisten dengan apa yang biasanya terdapat di pasaran bagi jenis urus niaga yang sama.

SOALAN (49)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 4 APRIL 2018
[RABU]

DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD
[PASIR PUTEH]

SOALAN :

YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini Projek
Taman Halal Pasir Mas, Kelantan. Bilakah kilang-kilang akan dibina dan
bila bermulanya pengambilan pekerja-pekerja dibuat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Industri Halal Pasir Mas adalah sebuah Taman Halal berstatus HALMAS yang telah dibangunkan oleh East Cost Economic Region Development Council (ECERDC). Ia merupakan antara projek utama di Negeri Kelantan yang memberikan tumpuan kepada pembangunan industri merentasi sempadan.

Selain daripada status HALMAS yang telah diberikan melalui Halal Industry Development Corporation (HDC), Taman Industri Halal ini turut menyediakan sebuah Kompleks Pembangunan Usahawan dan lot-lot tanah industri bagi mewujudkan peluang perniagaan serta perkilangan kepada para usahawan tempatan serta pelabur asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Januari 2018, sebanyak 5 buah syarikat tempatan dan satu pusat latihan melalui **Program Empower ECER** telahpun beroperasi di Kompleks Pembangunan Usahawan . Program yang dimulakan sejak akhir tahun 2017 ini, berjaya

menarik sejumlah 200 orang penyertaan yang terdiri daripada kalangan usahawan tempatan.

Selain itu, satu kolaborasi telah diadakan di antara Kelantan Biotech Corporation dan sebuah syarikat swasta dalam membangunkan sebuah kilang janakuasa elektrik yang berasaskan 'biomass sorghum'. Pembangunan kilang tersebut kini berada di peringkat pembinaan bertempat di Taman Industri Halal Pasir Mas Fasa 1.

Secara rumusan, sebanyak 6 buah syarikat tempatan telah menyatakan persetujuan dan komited bagi membangunkan pelbagai perusahaan berkaitan halal di lot-lot tanah industri Fasa 1 Taman Industri Halal Pasir Mas.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018